

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

SOALAN NO. 350

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab MQA tidak meluluskan permohonan akreditasi sarjana muda bagi pendidikan awal (Bachelor of Early Childhood Education) daripada Institut Methodist Pilley SibU. Institut Methodist Pilley merupakan satu-satunya institut di SibU yang membekalkan kursus itu, dan ia merupakan institut yang mempunyai reputasi yang baik di SibU.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi memastikan kualiti pengajaran, pembelajaran dan pengurusan di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) terjamin, selain daripada memenuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia, program pengajian yang ditawarkan di PPT perlu mematuhi program standard pengajian dalam bidang berkaitan.

Permohonan akreditasi penuh Institut Methodist Pilley SibU bagi program *Bachelor of Early Childhood Education (Hons)* secara kerjasama dengan Universiti HELP (MQA/FA 8095) telah ditolak oleh MQA menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi Bilangan 3/2019 yang bersidang pada 26 Mac 2019 atas alasan berikut:

NO. SOALAN: 350

1. Tidak mematuhi Pekeliling MQA Bil.4/2014 – Penggunaan Standard Program Pendidikan Awal Kanak-kanak bagi Bidang Staf Akademik di mana staf akademik tidak mempunyai kelayakan akademik dalam bidang untuk mengajar kursus-kursus teras iaitu:

- a) *Child Development II (Learning Experiences and Development)* (BECE 101);
- b) *Music and Movement in Early Childhood* (BECE 206);
- c) *Development of Education in Malaysia* (BECE 104);
- d) Early Childhood Education and Curriculum (BECE 102); dan
- e) Young Children’s Visual Arts Program: Art and Craft (BECE 205).

2. Tidak mematuhi Pekeliling MQA Bil.4/2014 – Penggunaan Standard Program Pendidikan Awal Kanak-kanak bagi Bidang Sumber Pendidikan seperti berikut:

- a) bahan rujukan berkaitan program di dalam *course outline* dan perpustakaan adalah tidak terkini dan tidak mencukupi; dan
- b) tidak menyediakan kemudahan bilik simulasi dan patung baby *Anne*. (Patung *Baby Anne* adalah nama patung yang diguna pakai untuk melatih pelajar secara efektif tentang teknik cardiopulmonary resuscitation (CPR), *chocking simulation*, urutan dan penjagaan ke atas bayi).

Walau bagaimanapun, bagi membantu Institut Methodist Pilley SibU mengambil tindakan lanjut, MQA telah mengadakan sesi perbincangan khas dengan Institut Methodist Pilley SibU pada 14 Jun 2019. Lanjutan daripada itu, Institut Methodist Pilley SibU sedang dalam proses menambah baik kualiti program tersebut sebelum mengemukakan permohonan semula akreditasi penuh kepada MQA dalam masa terdekat.